



**PANDUAN  
KASTAM UNTUK  
PENGUNJUNG**



# **SELAMAT DATANG KE SINGAPURA.**

Kepada semua pengunjung, kami ingin mengucapkan selamat datang dan semoga anda menikmati pengalaman yang menyenangkan disini.

Kepada semua warga dan penduduk Singapura,

# **SELAMAT PULANG KE TANAH AIR.**

# KANDUNGAN

Laluan Merah dan Hijau	4
Pelepasan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST)	5
Konsesi Minuman Keras Bebas Duti	6
Barangan yang Dikenakan Duti	7
Barangan Terkawal dan Terlarang	8
Pembayaran Cukai	9
Peraturan Tiga Suku Tangki	10
Skim Pengembalian Wang Pelancong (TRS)	11

# PANDUAN KASTAM

## UNTUK PENGUNJUNG

Risalah ini menyediakan maklumat umum mengenai formaliti dan prosedur pemeriksaan Kastam.

### LALUAN MERAH DAN HIJAU

Sistem **Laluan Merah** dan **Hijau** dikendalikan di tempat-tempat pemeriksaan kemasukan utama penumpang untuk mempercepatkan pemeriksaan kastam bagi pengunjung-pengunjung yang tiba. Papan tanda untuk **Laluan Merah** dan **Hijau** boleh terdapat di atas kaunter-kaunter pemeriksaan di dewan ketibaan selepas pemeriksaan Imigresen. Jika anda membawa barangan yang boleh dikenakan duti, cukai, barangan terkawal atau terlarang, sila isytiharkan semua barangan tersebut kepada pegawai pemeriksa di **Laluan Merah** atau di Kawasan Pemeriksaan Kastam sebelum pemeriksaan Imigresen.

#### TIADA APA-APA YANG HENDAK DIISYTIHARKAN

Sila menuju ke **Laluan HIJAU** jika anda tidak ada apa-apa untuk diisytiharkan. Pegawai akan mengendalikan pemeriksaan secara terpilih di **Laluan HIJAU**. Jika anda ragu-ragu, sila menuju ke **Laluan MERAH** untuk mendapatkan bantuan.

#### BARANGAN YANG HENDAK DIISYTIHARKAN

Sila menuju ke **Laluan MERAH** dan isytiharkan kepada pegawai pemeriksa sekiranya anda membawa:

- Barangan yang boleh dikenakan duti atau cukai yang melebihi konsesi bebas duti atau pelepasan GST anda;
- Barangan yang terkawal atau terhad; dan/atau
- Barangan terlarang.

Sila kemukakan barangan terkawal berserta dengan permit atau borang kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkaitan, jika ada.

## CUKAI BARANGAN & PERKHIDMATAN (GST)

Semua barangan yang diimport masuk ke Singapura tertakluk kepada Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST).

Jika anda seorang pengunjung yang **BUKAN**

1. Seorang anak kapal; atau
2. Seorang pemegang permit kerja, pas pekerjaan, pas pelajar, pas tanggungan atau pas jangka panjang yang diluluskan oleh Pemerintah Singapura.

Anda akan diberikan pelepasan GST untuk barangan baru, cenderamata, hadiah dan makanan siap (tidak termasuk minuman keras dan tembakau, serta barangan yang diimport untuk tujuan komersial) yang bertujuan untuk penggunaan atau pengambilan peribadi. Jumlah pelepasan berdasarkan kepada tempoh anda berada di luar Singapura:

Tempoh Di Luar Singapura	Nilai Barangan yang Dibenarkan untuk Pelepasan GST
48 jam ke atas	\$500
Kurang dari 48 jam	\$100

Harap maklum bahawa anda perlu membayar GST bagi barangan yang melebihi pelepasan GST anda dan barangan yang diimport untuk tujuan komersial. Pengunjung harus mengemukakan invois atau resit bagi pembelian di luar negara untuk memudahkan pengiraan dan pengesahan cukai yang perlu dibayar.

## KONSESI BEBAS DUTI BAGI MINUMAN KERAS

Pengunjung layak untuk diberi konsesi bebas duti untuk minuman keras jika semua syarat berikut ini dipenuhi:

- Anda berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- Anda telah berada di luar Singapura sekurang-kurangnya 48 jam sebelum tiba di sini;
- Ketibaan anda bukan dari Malaysia;
- Minuman keras adalah untuk penggunaan peribadi anda; dan
- Minuman keras itu tidak dilarang untuk dibawa masuk ke Singapura.



Konsesi bebas duti untuk minuman keras akan diberikan kepada pengunjung berdasarkan salah satu pilihan berikut:

Pilihan	Spirit	Wain	Bir
A	1 Liter	1 Liter	-
B	1 Liter	-	1 Liter
C	-	1 Liter	1 Liter
D	-	2 Liter	-
E	-	-	2 Liter

Konsesi bebas duti untuk minuman keras akan diberikan kepada anggota anak kapal berdasarkan salah satu pilihan berikut:

Pilihan	Spirit	Wain	Bir
A	0.25 Liter	1 Liter	-
B	0.25 Liter	-	1 Liter
C	0.25 Liter	-	-
D	-	1 Liter	-
E	-	-	1 Liter

Pilihan ini juga boleh digunakan untuk minuman keras berikut:

Minuman keras yang diminum atas sebab-sebab kesihatan seperti

- Yomeishu (wain)
- D.O.M (spirit)
- Samsu (spirit)

Minuman keras yang digunakan dalam masakan seperti

- Wain beras (wain)
- Wain masakan (wain)
- Sake (wain)
- Soju (spirit)

Harap maklum bahawa konsesi bebas duti atau pelepasan GST diberikan untuk barangan kegunaan peribadi dan bukan barangan tujuan untuk dijual. Menjual atau menghadihkannya kepada orang lain adalah satu kesalahan. Oleh kerana Duti dan GST harus dibayar untuk barangan yang dibawa masuk untuk tujuan perdagangan, komersial atau perniagaan, dan barangan yang dibawa bagi pihak orang lain, anda hanya boleh membawa masuk barangan ini ke Singapura setelah membayar Duti dan GST.

## BARANGAN YANG DIKENAKAN DUTI



**Minuman keras yang memabukkan, termasuk spirit, wain, bir, ale, stout dan porter**



**Produk-produk tembakau seperti rokok (termasuk yang telah ditandakan dengan "SDPC" dan tanda bar menegak) dan cerut harus mematuhi syarat-syarat Pembungkusan Standard**



**Minyak kenderaan bermotor termasuk minyak petrol, produk diesel dan gas (CNG)**

Minuman yang mempunyai isi kandungan alkohol yang melebihi 0.5% akan dikenakan duti. Sebagai contoh, Shandy, minuman beralkohol dalam botol

Berkuat kuasa 1 Julai 2020, semua rokok dan produk-produk tembakau lain yang diimport, dijual, ditawarkan untuk dijual atau diedarkan di Singapura harus mematuhi syarat-syarat Pembungkusan Standard (SP) yang baru. Anda harus mengisytiharkan semua produk tembakau (termasuk rokok yang telah ditandakan dengan "SDPC" dan tanda bar menegak) dan membuat bayaran duti dan GST untuk produk-produk tembakau yang memenuhi syarat-syarat Pembungkusan Standard yang baru. Ia adalah satu kesalahan untuk menuju ke **Laluan HIJAU** dengan membawa barangan yang melebihi konsesi bebas duti dan pelepasan GST anda.

## BARANGAN TERKAWAL

Sebelum barangan terkawal boleh diimport masuk ke Singapura, permit import atau borang kebenaran daripada pihak berkuasa berkaitan adalah diperlukan dan harus dikemukakan di **Laluan Merah** untuk diluluskan.

Senarai barangan berkenaan termasuk (tetapi tidak terhad kepada):



Senjata & Bahan Letupan



Gari dan Belantan



Peralatan Telekomunikasi & Radio



Ubat-ubatan & Produk Farmaseutikal



CD, DVD, Filem & Permainan Video



Haiwan, Burung, Ikan, Tumbuh-tumbuhan & hasil sampingannya

## BARANGAN TERLARANG

Senarai barangan yang **TIDAK** dibenarkan dibawa masuk ke Singapura termasuk (tetapi tidak terhad kepada):



Gula-gula getah



Mercun



Ubat Terkawal & bahan psikotropik



Bahan-bahan yang berunsur menghasut & khianat



Pemetik api yang berbentuk pistol atau revolver



Spesis kehidupan liar terancam & hasil sampingannya



Rencana, terbitan, pita/cakera video yang berunsur lucah



Pengeluaran semula penerbitan, pita video, video cakera, cakera laser, piring hitam atau kaset yang berhak cipta



Tembakau kunyah dan mana-mana produk tembakau tiruan seperti shisha dan rokok elektronik yang bebas tembakau



## PERMIT KASTAM

Sekiranya anda membawa barangan berikut, permit Kastam adalah diperlukan untuk pemeriksaan:

- lebih daripada 0.4 kilogram rokok atau produk tembakau lain yang mematuhi-SP;
- lebih daripada 10 liter produk minuman keras;
- lebih daripada 10 liter minyak kenderaan dalam bekas tambahan sebuah kenderaan bermotor;
- lebih daripada 0.5 kilogram pelaburan logam berharga untuk kegunaan peribadi;
- barangan untuk tujuan perdagangan, komersial atau perniagaan, dimana Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) yang perlu dibayar melebihi \$300; atau
- barangan yang jelas bertanda sebagai sampel perdagangan (tidak termasuk produk minuman keras dan tembakau) yang nilainya melebihi \$400.

## PEMBAYARAN CUKAI

Duti dan GST boleh dibayar melalui:

- Aplikasi Web Customs@SG
- Pejabat Pembayaran Cukai Kastam Singapura

### **APLIKASI WEB CUSTOMS@SG**

Aplikasi web Customs@SG membolehkan anda untuk membuat pengisytiharan awal dan membayar duti dan/atau GST sebelum ketibaan anda di Singapura.

Aplikasi web akan mengira duti dan/atau GST yang perlu dibayar dan anda boleh menyimpan e-resit di dalam alat telefon bimbit anda sebagai bukti pengisytiharan dan pembayaran cukai. Sejurus setelah anda tiba, anda boleh menuju ke pintu keluar tempat pemeriksaan melalui Laluan Hijau.

Anda boleh mengakses aplikasi web Customs@SG dengan menggunakan kod QR atau melayari <https://go.gov.sg/customs-sg>.




Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari laluan web kami di <https://go.gov.sg/customsgapp>.

## CATATAN PENTING

1. Jangan membawa barangan bagi pihak orang lain kerana anda akan dibabitkan jika barangan itu mengandungi kandungan yang terlarang, terkawal, terhad atau barangan yang bercukai.
2. Anda wajib membuat pengisytiharan yang benar dan lengkap kerana pengisytiharan palsu adalah satu kesalahan di bawah undang-undang dan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000.
3. Di bawah undang-undang, anda dikehendaki mengemukakan bagasi anda untuk pemeriksaan dan bertanggungjawab untuk mengeluarkan dan memasukkan semula kandungannya.
4. Harap maklum bahawa pengedaran dadah adalah kesalahan yang serius di Singapura dan pengedar dadah boleh dihukum mati di bawah undang-undang Singapura.

## PERATURAN TIGA SUKU TANGKI

**SINGAPORE  
VEHICLES  
PLEASE TOP UP  
TO 3/4 TANK**



Harap maklum bahawa melanggar peraturan  $\frac{3}{4}$  tangki ini adalah satu kesalahan di bawah undang-undang. Pesalah boleh dikenakan jumlah denda sehingga \$500, atau didakwa di mahkamah. Pesalah juga akan dikehendaki berpatah balik untuk menambah minyak mereka jika mereka ingin meneruskan perjalanan mereka.

Harap maklum bahawa semua kenderaan yang berdaftar di Singapura harus mempunyai jumlah minyak kenderaan minimum (sekurang-kurangnya  $\frac{3}{4}$  tangki) sewaktu meninggalkan Singapura melalui pusat pemeriksaan darat. Undang-undang ini tertakluk kepada semua kenderaan, termasuk kenderaan hybrid, yang menggunakan petrol, diesel dan atau gas asli kompres.

## ADAKAH SAYA LAYAK UNTUK PENGEMBALIAN GST DI BAWAH SKIM PENGEMBALIAN WANG PELANCONG (TRS)

Sebagai seorang pelancong ke Singapura, anda boleh menuntut pengembalian GST yang dikenakan pada barangan yang dibeli daripada peruncit yang turut serta dalam TRS sekiranya anda -

- berumur sekurang-kurangnya 16 tahun pada waktu pembelian;
- bukan seorang warga atau penduduk tetap Singapura;
- bukan seorang anggota anak kapal pesawat yang anda naiki untuk berlepas dari Singapura; **dan**
- anda bukan "seseorang yang khusus" -
  - i) pada tarikh pembelian;
  - ii) pada bila-bila masa dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh pembelian; atau
  - iii) pada tarikh anda serahkan tuntutan itu untuk mendapatkan pengembalian di lapangan terbang.

**NOTA:** Anda adalah "seseorang yang khusus" jika anda -

- A. mempunyai yang dikuatkuasakan -
  - i) sebarang pas kerjayang diluluskan oleh Kementerian Tenaga Manusia (iaitu Permit Kerja, Permit Kerja Latihan, Pas S, Pas Pekerjaan, Pas Pekerjaan Latihan, Pas Pekerjaan Peribadi, EntrePass, Pas Cuti Kerja, Pas Kerja Pelbagai dan Surat Kebenaran);
  - ii) Pas Tanggungan
  - iii) Pas Lawatan Jangka Panjang (LTVP) atau Pas Lawatan Jangka Panjang Tambahan (LTVP+); atau
  - iv) Pas Pelajar; atau
- B. merupakan seorang penduduk di Singapura dan mempunyai, yang dikuatkuasakan, Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Ehwal Luar Negara Singapura kerana anda adalah seorang -
  - i) seorang diplomat, pegawai konsular, kakitangan pentadbiran, teknikal atau perkhidmatan dalam mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Konsulat asing di Singapura;
  - ii) kakitangan yang telah dilantik atau diambil bekerja di dalam Organisasi Antarabangsa, Pejabat Perwakilan atau Pejabat Perdagangan di Singapura; atau
  - iii) seorang suami/isteri atau anak tanggungan mana-mana individu yang dinyatakan dalam B(i) dan B(ii) di atas.

Pengembalian  
Cukai



Apakah yang mesti saya lakukan untuk melayakkan diri untuk menerima pengembalian cukai? Selain memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai seorang pelancong yang tertera di halaman sebelumnya, anda juga mesti memastikan bahawa -

- anda berbelanja sekurang-kurangnya \$100 (termasuk GST). Anda boleh mengumpulkan sehingga 3 invois/resit daripada peruncit yang mempunyai nombor GST dan nama kedai yang sama untuk memenuhi jumlah pembelian minimum;
- peruncit yang turut serta dalam TRS mencatatkan transaksi eTRS untuk anda dan menyambungkan transaksi kepada pasport anda;
- anda berlepas dari Singapura dengan barangan itu melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Changi atau Lapangan Terbang Seletar dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh pembelian itu; dan
- anda berlepas dari Singapura dengan barangan itu dalam tempoh 12 jam selepas mendapatkan kelulusan ke atas permohonan pengembalian GST anda.

## CARA MENUNTUT PENGEMBALIAN CUKAI GST

### **Jika anda mempunyai barangan yang ingin didaftar masuk:**

Anda dikehendaki memohon untuk pengembalian GST di kiosk layan diri Skim Pengembalian Wang Pelancong (eTRS) yang terletak di Dewan Daftar Masuk Perlepasan (sebelum Imigrasi Perlepasan) **sebelum anda mendaftar masuk barangan itu.**

### **Jika anda mempunyai barangan yang anda rancang untuk dibawa bersama ke ruang kabin pesawat:**

Jika anda mempunyai barangan yang anda rancang untuk dibawa bersama ke ruang kabin pesawat: Sila tuju ke Ruang Transit Perlepasan (selepas Imigrasi Perlepasan) untuk memohon pengembalian GST anda di kiosk layan diri eTRS.

Anda perlu mengimbas pasport anda di kiosk layan diri eTRS untuk mendapatkan semua transaksi eTRS yang telah disambungkan ke pasport anda.

Jika anda dimaklumkan di kiosk untuk mengemukakan barangan untuk diperiksa di Kaunter Pemeriksaan Kastam, anda perlu mengemukakan barangan-barangan berikut **secara bersendirian:**

- 1) Barangan yang telah anda beli;
- 2) Invois /resit asli yang dikeluarkan oleh peruncit yang jelas menunjukkan harga, keterangan barang, nombor siri (jika ada); dan
- 3) Pasport dan pas menaiki pesawat/tiket pesawat.

Harap maklum bahawa Kastam Singapura tidak dapat memproseskan permohonan pengembalian anda sekiranya anda gagal untuk menepati mana-mana kriteria atau syarat-syarat yang dinyatakan.



## LOKASI-LOKASI KEMUDAHAN ETRS

Kemudahan Pengembalian Cukai GST terletak di:

- Lapangan Terbang Antarabangsa Changi (semua Terminal, termasuk Jewel)
  - Dewan Daftar Masuk Perlepasan (sebelum pemeriksaan imigrasi), untuk barangan yang didaftar masuk; dan
  - Kawasan Transit Perlepasan (selepas pemeriksaan imigrasi), untuk barangan yang dibawa naik ke pesawat.
- Lapangan Terbang Seletar (di bawah naungan Penguasa Imigrasi & Pusat Pemeriksaan (ICA))

### PERINGATAN

Sila pastikan anda tiba awal di lapangan terbang supaya dapat memberikan masa yang secukupnya untuk Kastam Singapura atau ICA memeriksa barangan anda dan mengesahkan tuntutan anda.

## CATATAN PENTING

**Semua pengembalian wang (tunai atau bukan tunai) diproses oleh Global Tax Free Pte Ltd (Pengendali Kaunter Pusat Pengembalian yang diluluskan), dan bukan oleh Kastam Singapura.**

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai permohonan pengembalian anda yang telah diluluskan, sila hubungi:

Global Tax Free Pte Ltd

Tel: (+65) 6513 3756 (Waktu bekerja dari jam 9pg hingga 6ptg)

(+65) 6546 5074 (Waktu bekerja dari jam 9pg hingga 6ptg)

Emel: [crc.helpdesk@global-taxfree.com](mailto:crc.helpdesk@global-taxfree.com)

Laman web: [touristrefund.sg](http://touristrefund.sg)

Pengembalian tidak dibenarkan bagi:

- (a) Perkhidmatan (seperti kereta sewa, hiburan, khidmat dobi, dll.);
- (b) Barangan yang diambil/digunakan secara keseluruhan atau sebahagiannya di Singapura;
- (c) Barangan dibeli untuk tujuan perniagaan atau komersial;
- (d) Barangan dieksport melalui kargo;
- (e) Penginapan di hotel, hostel, rumah tumpangan atau pertubuhan yang serupa; dan
- (f) Barangan yang tidak dikemukakan untuk diperiksa.

Harap maklum bahawa tindakan berikut ini merupakan kesalahan serius yang boleh mengakibatkan denda dan mungkin hukuman penjara:

- Membuat pengisytiharan palsu pada permohonan pengembalian kepada Kastam Singapura; dan
- Membawa barangan keluar daripada Dewan Daftar Masuk Perlepasan / Kawasan Transit atau memberikan barangan kepada orang lain selepas permohonan pengembalian itu telah diluluskan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Skim Pengembalian Wang Pelancong, sila hubungi:

Penguasa Hasil Dalam Negeri Singapura

Tel: (+65) 6356 8633

Emel: [gst@iras.gov.sg](mailto:gst@iras.gov.sg)

Laman web: [www.iras.gov.sg](http://www.iras.gov.sg)

Sikap Saling Menghormati antara semua pihak

### Hak Anda

*Sebagai seorang pengunjung, anda berhak mengharapkan layanan yang berbudi bahasa, adil dan berintegriti dari para pegawai kami.*

### Hak Kami

*Kami memohon kerjasama dan sokongan awam agar para pegawai kami dapat menjalankan tugas mereka. Kami meminta pemahaman anda.*

*Risalah ini dimaksudkan sebagai satu panduan dan tidak mengandungi senarai lengkap bagi prosedur dan keperluan kastam. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.customs.gov.sg](http://www.customs.gov.sg)*

### **Kastam Singapura**

Talian Pusat Panggilan:(+65) 6355 2000

Emel: [customs\\_feedback@customs.gov.sg](mailto:customs_feedback@customs.gov.sg)

Alamat: 55 Newton Road, Revenue House,  
Singapore 307987

*Selain itu, anda juga boleh mengakses laman web dengan menggunakan kod QR di bawah.*

